



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Bilangan 6/2023**

**PELAKSANAAN SURAT CARA MELIBATKAN PERTUBUHAN**

---

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim  
Putrajaya  
2023**

**© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2023**

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

**Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 6/2023
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	<a href="mailto:bdk@jkptg.gov.my">bdk@jkptg.gov.my</a>
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

**Kawalan Versi Dokumen**

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 6/2023**

**Pelaksanaan Surat Cara Melibatkan Pertubuhan**

**TUJUAN**

Pekeling ini bertujuan untuk menasihati semua Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah mengenai pelaksanaan surat cara melibatkan pertubuhan.

**PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**


2. Pihak Berkuasa Negeri (PBN) boleh melupuskan tanah kepada pihak-pihak yang diberi kuasa memegang tanah di bawah undang-undang bertulis menurut subseksyen 43 Kanun Tanah Negara [Akta 828]. Subseksyen 205(2) Akta 828 memperuntukkan orang atau badan yang boleh menjalankan urusniaga berkaitan tanah adalah seperti dinyatakan dalam seksyen 43 Akta 828. Dalam hal ini, urusan pemegangan harta tak alih oleh pertubuhan berdaftar diperuntukkan dalam seksyen 9(b) Akta Pertubuhan 1966 [Akta 832].
3. Menurut subseksyen 25(1) Akta 832, pertubuhan berdaftar hendaklah mempunyai seorang pemegang amanah atau lebih. Dalam hal ini, permohonan pendaftaran urusan tanah yang dibuat atas nama pemegang amanah hendak dibuat menurut seksyen 344 Akta 828.
4. Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah juga hendaklah mengambil maklum bahawa menurut subseksyen 9(b) Akta 832, harta tak alih bagi sesuatu pertubuhan boleh, jika tidak didaftarkan atas nama pemegang amanah, didaftarkan atas nama pertubuhan dan segala surat cara yang berhubungan dengan harta itu adalah sah dan berkuat kuasa seolah-olah surat cara itu telah disempurnakan oleh seorang pemunya berdaftar dengan syarat surat cara itu disempurnakan oleh tiga (3) orang pemegang jawatan pertubuhan yang pelantikan mereka disahkan oleh suatu perakuan daripada Pendaftar Pertubuhan dan dimeterai dengan meterai pertubuhan.
5. Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah dinasihatkan meminta pertubuhan yang berkenaan membekalkan:

- (i) salinan sijil perakuan pendaftaran pertubuhan; dan
- (ii) nama pemegang jawatan yang disahkan oleh pendaftar pertubuhan

sekiranya mana-mana pertubuhan melaksanakan surat cara menurut peruntukan subseksyen 9(b) Akta 832.

## **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA**

6. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



**(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)**  
**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**  
No. Fail: JKPTG.BDK.100-1/3/1 Jld. 3  
Tarikh : **27** Disember 2023